

Kos pulih sebatang sungai tercemar RM400j

Oleh YULPISMAN ASLI

MM 4/2

KUALA LUMPUR 3 Feb. - Sebanyak 16 batang sungai di negara ini dikategorikan sebagai tercemar dan 'hampir mati', dan memerlukan kos antara RM100 juta dan RM400 juta untuk memulihkan setiap sungai tersebut.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Ir. Keizrul Abdullah memberitahu, sungai-sungai tersebut antaranya terletak di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor.

Katanya, kos sebenar memulihkan sungai tercemar bergantung kepada panjang sungai, bentuk pencemaran dan aspek pemulihan yang hendak dijalankan.

"Lebih panjang sungai itu, maka lebih mahal kos memulihkannya. Apa yang penting ialah, kena kawal punca pencemaran.

"Sebab itu, setiap pembangunan diwajibkan mempunyai Pelan Hakisan dan Kawalan Keladak (ESCP). Dahulu, kita tunggu (sampah dan bahan tercemar) sampai ke sungai, baru dikorek. Tetapi sekarang kita kawal," katanya kepada *Mingguan Malaysia*

Lebih panjang sungai itu, maka lebih mahal kos memulihkannya. Apa yang penting ialah, kena kawal punca pencemaran

ketika dihubungi di sini, hari ini.

Keizrul mengulas kenyataan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang melahirkan rasa 'sakit hati' melihat kekotoran dan pencemaran sungai berpunca daripada perbuatan golongan tidak bertanggungjawab.

Perdana Menteri berkata, akibat perbuatan manusia juga, air sungai berubah daripada jernih suatu ketika dahulu kepada warna teh susu kerana ia juga menjadi tempat pembuangan sampah.

Abdullah meluahkan perasaan beliau itu ketika melancarkan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies Tanaman Sesuai di Pesisiran Pantai Negara Peringkat Kebangsaan di Pulau Sayak, Kota Kuala Muda, semalam.

Menurut Keizrul, JPS telah mendapat peruntukan kira-kira RM500 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)

- Ir. Keizrul Abdullah

untuk melaksanakan kerja-kerja pemulihan sungai.

Beliau menjelaskan, setiap sungai di negara ini dikategorikan kepada lima kelas iaitu:

- Kelas 1 - Airnya boleh terus diminum tanpa rawatan.
- Kelas 2 - Airnya memerlukan rawatan biasa.
- Kelas 3 - Air nampak bersih, tidak berbau, tetapi kualitasnya tercemar dan orang ramai tidak boleh berenang tetapi boleh berkelah di tebing.
- Kelas 4 - Tercemar.
- Kelas 5 - Hampir mati.

(Bagi Kelas 4 dan 5 - keadaan air antara lain berbau busuk dan berwarna hitam).

Menurut Keizrul, JPS yang turut berkongsi pandangan dengan Perdana Menteri telah melancarkan program 'satu sungai satu negeri'.

Katanya, projek perintis telah dijalankan melibatkan Sungai Perlis di Perlis dan Sungai Pinang di Pulau Pinang.

Di bawah projek itu, JPS akan memulihkan sebatang sungai di setiap negeri, sebelum usaha tersebut diperluaskan ke semua sungai oleh JPS negeri.

Keizrul berkata, fasa pertama projek perintis di Sungai Pinang sepanjang tiga kilometer melibatkan pembersihan, membina perangkap sampah dan jeti baru membabitkan kos RM25 juta, telah siap dilaksanakan.

"Wawasan JPS adakan untuk menjadikan semua sungai bersih, hidup dan berguna. Hidup maksudnya ada kehidupan dalam sungai itu. Jika setakat bersih sahaja tidak mencukupi kerana ia tidak lebih seperti longkang," ujarnya.

Beliau berkata, JPS juga bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk membina perangkap sampah dan mengutip bahan buangan tersebut.

Mengulas kempen cintai sungai yang pernah dilancarkan sebelum ini, beliau berkata, ia masih diteruskan dan telah berjaya mengubah persepsi orang ramai terhadap sungai.